

Fenomena dipercayai ada kaitan dengan pencemaran bauksit landa Balok, Kuantan

Ratusan ikan belanak ditemui mati

Oleh IKHWAN IDERIS

KUANTAN – Ratusan ikan belanak ditemui mati di Sungai Tonggak, Balok di sini semalam sekali gus menggemparkan penduduk yang sebelum ini dikejutkan dengan fenomena laut merah dipercayai berpunca daripada pencemaran bauksit.

Ikan belanak berkenaan yang sesetengahnya bersaiz lengan lelaki dewasa ditemui mati pada kira-kira pukul 7.30 pagi ketika air sungai berkenaan surut.


Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga Balok Makmur, Abdul Rahman Ali, 57, berkata, kejadian itu mencetuskan tanda tanya sama ada ia berpunca daripada fenomena laut merah sebelum ini atau akibat pencemaran sisa kilang dari Kawasan Perindustrian Gebeng yang terletak berdekatan.

“Keadaan air Sungai Tonggak memang keruh dan merah semalam (kelmarin) namun sepanjang pengetahuan saya, tiada kawasan penyimpanan bauksit yang terletak berhampiran sungai ini.


“Saya juga tidak mahu menuduh mana-mana pihak tetapi tidak mustahil ikan ini mati disebabkan pencemaran sisa bahan kimia dari kilang di sekitar Kawasan Perindustrian Gebeng yang terletak berdekatan,” katanya ketika ditemui pemberita di sini semalam.

Seorang lagi penduduk, Ab. Razak Musa, 56, dari Taman Seberang Balok berkata, kejadian tersebut pernah berlaku kira-kira empat tahun lalu namun situasi semalam jauh lebih buruk dan melibatkan jumlah ikan jauh lebih banyak.

“Kami berharap pihak berwajib segera menyiasat dan



INILAH sebahagian ikan belanak yang ditemui mati di Sungai Tonggak, Kuantan semalam. Warna selut itu merah seakan-akan warna tanah bauksit.



FENOMENA air laut merah yang melanda Pantai Batu Hitam, Kuantan baru-baru ini mengejutkan rakyat negeri Pahang.

mengumumkan keputusan kerana ada penduduk terutamanya kanak-kanak yang gemar menjala dan memancing ikan di sungai ini,” katanya.

Sementara itu, Ketua Nelayan Kampung Balok, Raja Haris Raja Salim, 63, berkata, adalah mustahil ikan-ikan tersebut dibuang oleh nelayan kerana ikan belanak mempunyai nilai tinggi di pasaran.


Dia mengakui ada segelin-

tir nelayan di kawasan tersebut yang gemar membuang ikan di pesisir pantai dan kuala sungai, namun ia hanya melibatkan spesies ikan yang tidak berharga seperti ikan duri halus, ikan tiram dan ikan kikir yang turut dikenali sebagai ‘ikan baja’.

“Di sini tiada tauke yang membeli ikan untuk dibuat baja, jadi apabila ikan-ikan jenis ini tersangkut pada jaring penduduk, mereka akan membuang ikan ini.



ABDUL Rahman menunjukkan ikan belanak yang mati di Sungai Tonggak.



“Kami berharap pihak berwajib segera menyiasat dan mengumumkan keputusannya kerana ada penduduk terutamanya kanak-kanak yang gemar menjala dan memancing ikan di sungai ini

AB. RAZAK MUSA

“Namun tidak bagi ikan belanak kerana ia dapat dijual pada harga sekitar RM6 hingga RM8 di pasaran mengikut saiz. Ikan belanak ini sedap dimasak kicap, asam pedas atau singgang,” katanya.

Beras JUARA®

“Pilihan Yang Tepat”

Keluaran 100% Bumiputera Islam

Jabatan Perikanan Pahang siasat punca kejadian

KUANTAN – Jabatan Perikanan Pahang akan melakukan siasatan terperinci untuk mencari punca kematian ratusan ikan belanak di Sungai Tonggak, Balok di sini semalam yang menggemparkan penduduk.

Pengarahnya, Adnan Hus-sain berkata, pihaknya telah pun menghantar pegawai untuk menyiasat kejadian tersebut setelah menerima aduan daripada orang ramai.

Beliau berkata, pemerhatian awal mendapati memang terdapat sejumlah ikan belanak yang mati di kawasan



tersebut seperti mana didakwa namun jumlahnya adalah kecil meskipun terdapat kemungkinan sebahagian besar daripada ikan yang mati tidak lagi kelihatan kerana dipengaruhi pasang surut air ketika pegawai jabatan itu berada di lokasi.

“Tiada ikan-ikan besar mati sebaliknya hanya ikan kecil. Keadaan ini hanya berlaku di Sungai Tonggak dan tidak melibatkan sungai-sungai yang lain.

“Namun siasatan awal mengesahkan kejadian ini tiada kena mengena dengan tahap kelodak dan lumpur di sungai itu.

Laporan penuh mengenainya akan siap dalam tempoh seminggu lagi,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Beliau berkata, pihaknya juga telah mengambil sampel air dan menguji beberapa parameter berkaitan seperti kadar oksigen terlarut, tahap kekeruhan air dan nilai pH air di kawasan tersebut.

“Setakat ini kami tidak nampak ia adalah satu kejadian yang luar daripada kebiasaan,” katanya.

Adnan berkata, pihaknya juga tidak mengeluarkan arahan untuk melarang penduduk memakan ikan dari sungai berkenaan ketika ini.

Info Solat		6 JANUARI 2016 25 RABIULAWAL 1437H						
	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK		
K. LUMPUR	6.00	7.20	1.22	4.44	7.18	8.32		
SHAH ALAM	6.00	7.20	1.22	4.44	7.18	8.32		
SEREMBAN	5.56	7.18	1.20	4.43	7.18	8.33		
MELAKA	5.55	7.17	1.19	4.42	7.18	8.32		
JOHOR BAHRU	5.48	7.10	1.13	4.36	7.13	8.27		
IPOH	6.04	7.24	1.24	4.47	7.19	8.34		
P. PINANG	6.08	7.28	1.26	4.49	7.20	8.35		
ALOR SETAR	6.09	7.29	1.26	4.47	7.19	8.33		
K. TERENGGANU	5.56	7.18	1.15	4.37	7.09	8.23		
KOTA BHARU	6.06	7.23	1.19	4.40	7.12	8.22		
KUANTAN	5.53	7.15	1.16	4.39	7.13	8.28		
KANGAR	6.09	7.31	1.26	4.47	7.18	8.33		
TAWAU	4.57	6.19	12.17	3.39	6.12	7.29		
KOTA KINABALU	5.05	6.27	12.23	3.45	6.16	7.31		
KUCHING	5.23	6.45	12.48	4.12	6.48	8.02		
MIRI	5.11	6.33	12.32	3.55	6.28	7.43		

*Kawasan-kawasan sewaktu dengannya